

ALOR SETAR, 23 SEPT (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DI SINI HARI INI BAHAWA KEMENTERIANNYA AKAN MENKKAJI SEMULA SISTEM MENGANJURKAN SUKAN YANG DIBUAT OLEH SEKOLAH-SEKOLAH DI SELURUH NEGARA.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI BELIAU BERKATA, ADUAN TELAH DITERIMA MENYEBUT BAHAWA TERLALU BANYAK PERINGKAT KEGIATAN SUKAN DIJALANKAN ANTARA SEKOLAH DAN KEJOHANAN ANTARA NEGERI YANG MANA MEMBAZIR WANG DAN MASA.

+ADUAN TERSEBUT MEMPUNYAI ASAS DAN KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MEMBERI PERHATIAN TERHADAP PERKARA ITU DAN MENKKAJI SEMULA SISTEM SUKAN YANG DIJALANKAN OLEH SEKOLAH-SEKOLAH, + KATANYA.

MENGENAI KEADAAN DI UNIVERSITI MALAYA, DR. MAHATHIR BERKATA, SETENGAH-SETENGAH PELAJAR INGIN BELAJAR TETAPI YANG LAINNYA LEBIH SUKA TERLIBAT DENGAN KEGIATAN POLITIK.

+WALAU APAPUN PILIHAN YANG MEREKA BUAT, TERSERAHLAH KEPADA MEREKA MEMUTUSKANNYA TETAPI JIKA MELANGGAR SEBARANG UNDANG-UNDANG MEREKA TIDAK AKAN DIMAAFKAN SEMATA-MATA KERANA MEREKA PELAJAR, + TAMBAHNYA.

TERDAHULU DARI INI DR. MAHATHIR TELAH MENDENGAR TAKLIMAT DIBERIKAN OLEH PENGARAH PELAJARAN NEGERI, ENCIK JUMAAT BIN HAJI MOHAMAD NOR DI JABATAN PELAJARAN DI SINI.

MENTERI ITU KEMUDIAN MENGUNJUNGI MENTERI BESAR, DATO SRI SYED AHMAD SHAHABUDDIN DAN MENGADAP PEMANGKU SULTAN KEDAH DI WISMA NEGERI. -- BERNAMA 1348/A!